

Johor kena nilai semula pembangunan

BH 04/1

TENTUNYA ramai penduduk Johor menyanjung tinggi kesediaan Tengku Mahkota Johor turun padang baru-baru ini untuk meninjau keadaan mangsa banjir dan empangan Sembrong di Batu Pahat dan mendengar sendiri penjelasan juruteknik empangan itu mengenai sebab mengapa air empangan terpaksa dilepaskan kerana melebihi paras bahaya.

Pendedahan yang disiarkan TV3 menerusi wartawan penyiaran, Karam Singh Walia begitu mengejutkan banyak pihak apabila sampah sarap yang bertahun-tahun tidak dibersihkan memenuhi segenap ruang empangan berkenaan menyebabkan sukar untuk menampung jumlah air hujan yang banyak.

Keadaan sampah sarap dan lumpur akibat kegiatan penerokaan hutan tidak terkawal juga menyebabkan tahap kedalaman sungai menjadi semakin cetek dan kolam takungan juga dipenuhi pelbagai elemen yang turut menyulitkan keadaan.

Liputan televisyen swasta tempatan itu juga menunjukkan banyak visual kegiatan penarahan bukit yang membotakkan lereng, kegiatan kuari yang tidak dipantau, kegiatan guna tanah yang tidak mengikut peraturan dan kegiatan lain yang juga membawa pelbagai implikasi negatif kepada sistem perparitan dan saliran sedia ada di pekan dan bandar di daerah di Johor.

Tidak hairanlah mengapa banjir di Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi dan Segamat sukar surut seperti lazimnya berikutan elemen itu terus membelenggu keadaan. Penduduk yang sempat ditemuramah melahirkan rasa kecewa atas kepincangan alam sekitar dengan semakin berkurangnya zon lingkaran hijau dan kawasan tadahan air semula jadi yang mampu menebat air hujan.

Semua ini menjadi ancaman kepada masyarakat apabila ia tidak lagi dapat dihalang ekorannya sika-p cintakan kehijauan alam dan kurangnya usaha memperluaskan hutan simpan yang berupaya menjadi benteng kepada kesejahteraan hidup insan.

Pada akhir laporan itu, satu soalan yang wajar kita renung dan fikirkan bersama dicetuskan oleh Karam Singh: "Adakah wajar dan kena pada masa dan tempatnya lebih banyak empangan baru dibina di Johor untuk mengatasi ancaman banjir di masa depan seperti saranan seorang tokoh politik tempatan dan juga ketua pengarah sebuah agensi kerajaan?"

Walhal dengan senario kecacatan pemantauan dan kelemahan pengurusan empangan sedia ada ditambah pula dengan pelbagai kegiatan tidak bermoral terhadap hutan, tanah dan alam sekitar tentu tidak keterlaluan

dikatakan pewujudan lebih banyak empangan pasti mengundang padah dan bahaya yang lebih besar kepada rakyat dan daerah di Johor memandangkan bilangan empangan semasa tidak mampu diselenggara dengan berkesan.

Saya juga sempat menonton berita seterusnya yang membawa mesej sebaliknya, iaitu perihal banjir di kawasan Raub, Pahang. Beberapa kawasan di daerah itu, antaranya termasuk DUN Batu Talam masih lagi diselimuti kehijauan hutan tropika yang damai dan nyaman.

Terdetik di dalam benak saya, jika Empangan Kelau dibina di hulu sungai Semantan dan sungai lain, apakah tidak mungkin gejala yang serupa melanda Empangan Sembrong dan Bekok di Johor baru-baru ini bakal berulang di Pahang pula?

Sebenarnya sejarah pahit pasti akan berulang sekiranya kita tidak mengambil iktibar punca sesuatu tragedi dan malapetaka yang berlaku ke atas sesuatu kawasan mahupun kelompok masyarakat di tempat lain.

Sebelum berulang episod tragik di daerah lain di Malaysia seperti yang dialami puluhan ribu penduduk beberapa daerah di Johor, baru-baru ini yang terpinga-pinga dan masih trauma dengan asakan banjir luar biasa, adalah wajar pihak berwajib menghentikan segala bentuk pembangunan baru yang bakal dibuat.

Ia termasuk membabitkan penerokaan hutan khususnya di kawasan hulu sungai dan menilai kembali status perancangan dan strategi tindakan agar rakyat yang tidak berdosa terselamat daripada pelbagai kemungkinan buruk seperti banjir.

Adalah tidak wajar Pahang memiliki empangan baru dengan alasan untuk menambah *ecotourism* kerana negeri itu sudah pun mempunyai tadahan hujan terbesar di Malaysia.

Sewajarnya teguran ikhlas Tengku Mahkota Johor mengenai kesan sampah sarap yang menyelubungi empangan Sembrong dan juga kelodak yang mencetekkan kedalaman sungai di sekitarnya diambil iktibar agensi kerajaan terbabit.

Ia penting bagi menjamin rakyat Johor tidak lagi diburu rasa bimbang dan kecewa setiap kali hujan lebat membasahi bumi Darul Takzim di masa akan datang. Pendedahan *Buletin Utama TV3* pada Ahad dan Isnin lalu juga perlu diambil perhatian secara serius oleh semua pihak bagi menjamin kesejahteraan hidup rakyat yang sudah setengah abad merdeka tidak terganggu dan tertekan oleh kecuaiannya dan sikap sambil lewa sesetengah pihak.

WAN CINTA ALAM
Felda Kelau, Raub, Pahang.